

BAB 7 : EKONOMI MALAYSIA**SPM2004/A/S4**

b) Sebab kerajaan membuat pinjaman:

- Untuk menampung kekurangan hasil kerajaan jika berlaku defisit dalam belanjawan negara. Ini menjamin kerajaan mencapai matlamat ekonomi yang dirancang.
- Untuk membiayai pembangunan ekonomi demi meningkatkan taraf hidup rakyat.
- Untuk membiayai kelewatan kutipan hasil cukai. Kerajaan terpaksa meminjam untuk menampung perbelanjaan mengguna bagi memastikan pentadbiran berjalan lancar.

c) Tiga jenis pinjaman dari sumber dalam negeri:

Surat jaminan kerajaan

Merupakan pinjaman jangka panjang. Ia mempunyai nilai muka dan bayaran faedah yang ditetapkan. Ia dijual kepada KWSP, bank perdagangan, institusi kewangan dan orang ramai.

Bil perpendaharaan

Merupakan pinjaman jangka pendek. Ia mempunyai nilai muka yang tertentu dan dijual kepada institusi kewangan dan orang ramai dengan harga diskau.

Sijil pelaburan

Iaitu pinjaman jangka masa panjang yang dikeluarkan oleh kerajaan kepada institusi kewangan Islam. Pemegang sijil akan dibayar dividen.

SPM2005/A/S5

(a) Masalah pergantungan ekonomi kepada sektor utama:

- Ketidakstabilan harga komoditi sektor utama menyebabkan ketidakstabilan pendapatan rakyat dan pendapatan negara.
- Daya pengeluaran sektor utama yang rendah membawa pendapatan yang rendah kepada penduduk dan negara. Seterusnya ia akan menyebabkan taraf hidup yang rendah.
- Penyerapan guna tenaga yang kurang menyebabkan kadar pengangguran yang tinggi dalam negara.
- Pelaburan negara terjejas kerana penurunan pendapatan negara dan ini seterusnya memberi kesan kepada penyerapan tenaga buruh negara.

(b) Lima jenis cukai tak langsung:

- **Duti import** – cukai yang dikenakan ke atas barang import dari luar negara. Contohnya rokok, kereta dan minuman keras.
- **Duti eksport** – cukai yang dikenakan ke atas komoditi utama yang dieksport seperti minyak kelapa sawit dan balak.
- **Duti eksais** – cukai yang dikenakan ke atas barang akhir atau barang yang hendak dijual kepada pengguna. Barang kawalan seperti beras, gula, dan susu akan dikecualikan daripada cukai jualan.
- **Cukai perkhidmatan** – cukai yang dikenakan ke atas perkhidmatan yang diberi oleh hotel, restoran, insurans dan servis kereta.

SPM2006/A/S4

(b) Lima kesan dari perubahan dalam sektor ekonomi:

Pelaburan asing

Pelaburan asing/modal/kepakaran/teknologi tinggi semakin meningkat terutamanya dalam sektor kedua dan sektor ketiga.

Peluang pekerjaan

Sektor kedua dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Keupayaan menyerap guna tenaga lebih baik daripada sektor utama.

Pendapatan negara

Produktiviti yang tinggi dalam sektor kedua dan ketiga menyebabkan pendapatan negara meningkat/stabil.

Taraf hidup

Pendapatan per kapita penduduk meningkat kerana sektor kedua dan ketiga banyak peluang pekerjaan diwujudkan. Kuasa beli penduduk meningkat. Ini menyebabkan kadar kemiskinan menurun.

Perkembangan sektor perkilangan

Banyak kilang dibangunkan dan wujudnya pelbagai industri seperti industri berat, tekstil dan elektronik.

Perkembangan sektor perkhidmatan

Perkembangan sektor kedua memerlukan pelbagai perkhidmatan sokongan. Akibatnya, sektor perkhidmatan berkembang maju.

(c) Tiga kelebihan pinjaman dalam negeri :

- Lebih mudah diperoleh/fleksibel. Syarat pinjaman lebih longgar/peraturan pinjaman tidak ketat. Tempoh kelulusan juga lebih pendek.
- Tidak melibatkan pengaliran keluar wang.
- Tidak dipengaruhi oleh perubahan pertukaran asing. Jumlah hutang negara tidak bertambah akibat penurunan RM
- Kadar faedah lebih rendah
- Kos pinjaman kerajaan rendah, kesannya beban hutang negara rendah.

SPM2006/A/S5

(a)

(i) Gambar rajah 3 [Duti eksais]

- Duti eksais ialah cukai yang dikenakan ke atas barang keluaran tempatan untuk pasaran dalam negeri
- Cukai jualan, cukai yang dikenakan ke atas barang akhir/barang yang hendak dijual kepada pengguna.
- Secara tidak langsung, pembeli akan menanggung beban cukai apabila membeli barang tersebut.

(ii) Gambar rajah 4 [Duti import]

- Duti import ialah cukai yang dikenakan ke atas barang yang diimport dari luar negara

- Cukai jualan, cukai yang dikenakan ke atas barang akhir/barang yang kendak dijual kepada pengguna
- Secara tidak langsung, pembeli akan menanggung beban cukai apabila membeli pencetak tersebut.

SPM2007/A/S4

(c)

- (i) Perbelanjaan pembangunan ialah perbelanjaan pelaburan kerajaan dalam projek-projek pembangunan ekonomi negara. Perbelanjaan pembangunan boleh menambah modal fizikal negara dan keupayaan pengeluaran sesebuah negara.
- (ii) Perbelanjaan pembangunan:

Perbelanjaan	Jumlah (RM juta)
Perkhidmatan ekonomi	12 700.00
Perkhidmatan sosial	16 250.00
Keselamatan	3 100.00
Pentadbiran am	3 090.00
Jumlah	35 140.00

(d)

- (i) **Kadar cukai**
Kadar cukai akan dinaikkan. Apabila kadar cukai dinaikkan, pendapatan boleh guna rakyat akan berkurangan. Oleh itu permintaan rakyat akan berkurangan dan inflasi dapat dikawal.
- (ii) **Perbelanjaan negara**
Kerajaan akan mengurangkan perbelanjaan kerajaan dengan menangguhkan projek pembangunan. Hal ini akan menyebabkan pendapatan penduduk berkurangan dan perbelanjaan rakyat berkurang dan inflasi dapat dikawal.

SPM2008/A/S5

(a)

- (i) Kedudukan kewangan kerajaan
- Sumber hasil kurang daripada perbelanjaan kerajaan
 - Belanjawan kurangan/defisit
 - Jumlah defisit sebanyak RM18 724 juta (RM106 304 juta – RM125 028 juta)
- (ii) Kerajaan mengatasi masalah tersebut dengan membuat pinjaman dalam atau luar negeri.
- (iii) Sebab kerajaan perlu membuat demikian :
- Menampung kekurangan hasil kerajaan/belanjawan defisit
 - Membayai pembangunan ekonomi
 - Membayai kelewatian kutipan cukai
 - Membayai perbelanjaan mengurus
 - Mengagihkan pendapatan melalui projek tertentu
 - Hasil yang diterima hanya dapat menampung perbelanjaan mengurus
 - Menjalankan projek tertentu untuk memberikan faedah kepada rakyat.